HUBUNGI SKUAD KUALA NERUS / SETIU
NURUL HUDA HUSAIN - 019 9391256 / 019 9821480

# Kesal integriti Unisza dipertikai

## Laporan portal berita itu tak tepat, universiti masih patuhi SOP: Yahaya

**KUALA NERUS** - Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Prof Datuk Dr Yahaya Ibrahim kesal dengan laporan tidak tepat sebuah portal berita yang seakan mempertikai integriti universiti berkenaan berhubung Laporan Ketua Audit Negara yang dikemukakan kelmarin.

Sambil menyifatkan laporan tersebut mempunyai agenda tersembunyi, Yahaya bagaimanapun mengakui wujud kelemahan di jabatan kontrak memandangkan sebelum ini tiada unit khusus yang menguruskan dokumen kontrak bagi sebarang projek.



Pelajar baharu Unisza membacakan ikrar sempena Minggu Mesra Siswa di Dewan Gimnasium Unisza Kampus Gong Badak.

"Kita akui terlepas pandang mengenai perkara ini (tiada dokumen kontrak) kerana ia bukan amalan di Unisza, tapi kini unit berkenaan telah diwujudkan kerana ia merupakan syarat yang perlu dipatuhi.

"Tetapi, walaupun tidak mempunyai dokumen kontrak (untuk sebut harga atau tender) secara rasmi sebelum ini, namun kita tetap mempunyai 'back up' setiap projek bagi menjaga kepentingan universiti melalui surat jaminan dengan pembekal, ikatan perjanjian sekiranya berlaku masalah atau projek tidak siap seperti mana dijanjikan," katanya.

Menurut Yahaya, soal integriti tidak timbul kerana Unisza sangat mementingkan perkara itu dalam apa sahaja pelaksanaan projek yang dibuat.

"Ia masih mematuhi prosedur operasi standard (SOP) kerana kelemahan hanya berlaku di unit kontrak, bukan di bahagian pentadbiran secara keseluruhan," katanya.



YAHAYA

Beliau berkata demikian sebaik selesai menyempurnakan Minggu Mesra Siswa bagi Program Diploma di Dewan Gimnasium, Unisza Kampus Gong Badak, di sini, semalam.

Meskipun audit yang dibuat itu sebelum beliau mengambil alih teraju utama universiti berkenaan, namun atas dasar tanggungjawab dan ingin memperbetulkan fakta sebenar, Yahaya akan membuat pertemuan dengan wartawan portal tersebut dalam masa terdekat.

Semalam, sebuah portal berita melaporkan Unisza tidak menyediakan dokumen kontrak dalam beberapa sebut harga dan tender bernilai RM8.62 juta seperti mana yang dikemukakan Laporan Ketua Audit Negara.

### JOM SOLAT

**KUALA NERUS**

| | |
|---|---|
| SUBUH | 5:32 |
| SYURUK | 6:56 |
| ZOHOR | 1:10 |
| ASAR | 4:37 |
| MAGHRIB | 7:22 |
| ISYAK | 8:38 |